

## Skim Cepat Kaya

Skim Cepat Kaya merupakan satu terma yang diberikan kepada sesuatu skim, projek, program atau peluang yang menjanjikan kekayaan dalam masa yang singkat kepada ahli-ahli yang menyertainya dan bermotifkan hanya wang ringgit. Modus perandinya tetap sama tetapi menggunakan medium yang berbeza namun pada realitinya, ia adalah lebih kepada satu cara yang kelihatan amat mudah, tidak melibatkan jual beli produk ( kerana ramai yang takut dan tidak yakin untuk menjual barang ), dan mendapat pulangan yang tidak masuk akal dalam tempoh singkat.

Terdapat beberapa model popular yang masih wujud dan seringkali muncul setiap tahun untuk mengaut keuntungan. Mereka juga adalah terdiri daripada individu yang sama, kumpulan dan geng sama, yang lebih suka berselindung dan tidak suka menonjolkan identiti mereka. Ini kerana mereka juga sudah faham bagaimana skim itu berfungsi, berapa banyak ahli yang perlu direkrut, bilakah masanya ia akan tepu dan bilakah ia akan berakhir. Skim cepat kaya akan runtuh akhirnya, setelah sistem mereka mencapai tahap ketepuan di mana orang-orang baru yang masuk tidak boleh lagi menyokong sistem yang diwujudkan. Ini amat tepat berlandaskan kepada prinsip utama skim cepat kaya : cari orang dan wang sebanyak mungkin kemudian tutup dan mula pula yang baru, berwajah baru .

Mangsa yang mudah terkena adalah golongan orang yang suka kepada jalan pintas untuk mencapai sesuatu, orang yang naif, dan sesiapa sahaja yang tidak boleh menerima hakikat 'bekerja keras untuk mencapai kekayaan'.

Penganjur sememangnya sangat handal dalam memanipulasikan emosi ahli-ahli, menggunakan wang ringgit dan kekayaan sebagai umpan, dan skim-

skim ini hanya bertahan untuk tempoh masa tertentu sahaja kerana akhirnya ia akan menemui satu titik tepu.

### ***Skim Piramid : Ramai sudah jadi mangsa***

“Kami bukan skim piramid, kami ada produk sendiri dan sudah ramai yang dapat pulangan” tegas panganjur. Kemudian, anda tidak akan mendengar apa-apa lagi dari mereka selepas itu, setelah ramai orang baru yang ‘kecundang’ dan mereka sudah takut diserbu dan dipukul orang. Kemudian, mereka akan mencipta program baru lagi tahun depan dan ahli-ahli lama yang sudah mendapat pendapatan 5-6 angka akan terus muncul untuk menarik orang baru dan selepas beberapa bulan, ia tumbang lagi, orang baru terus ‘menangis’ dan orang lama ‘terus ketawa’.

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan, pada awalnya menggunakan perkhidmatan pos, yang muncul dalam bentuk surat berantai dan terus berevolusi ke dalam bentuk Internet yang mana ia adalah lebih kos efektif dan lebih cepat mendapat ‘mangsa’. Dengan menggunakan internet, mereka dapat beroperasi dengan lebih efisien dan menjimatkan banyak wang. Ia muncul dalam bentuk surat-surat berantai ( surat yang kelihatan tidak putus dan diedarkan di merata-rata tempat ), dan muncul dalam bentuk persatuan/organisasi/kelab buat wang dan laman-laman web cara buat wang di internet, berselindung dan terus berselindung supaya mereka tidak akan dipukul atau dipenjarakan apabila program mereka mengalami kegagalan.

Penganjur tidak segan silu untuk mengiklankan di surat khabar, melalui SMS, meletakkan ia sebagai sebuah laman web professional, dan ada juga yang muncul sebagai ‘pelaburan’ di seminar-seminar buat wang di seluruh negara. Skim Piramid hanya hidup apabila bilangan orang baru yang masuk

tidak putus, jika putus bekalan ahli baru maka dengan serta merta ia akan gulung tikar dan penganjur terpaksa 'angkat kaki' dan membawa wang yang diperolehi.

Skim piramid tidak menjual produk tetapi lebih kepada mencari ahli baru. Lebih ramai ahli yang berjaya ditarik masuk, maka adalah lebih baik. Mungkin kerana inilah, beberapa penganjur mengambil langkah bijak dengan menawarkan 'produk' supaya ia tidak kelihatan sebagai satu Skim Piramid.

Antara produk yang paling popular ialah ebook dan sebagainya yang disandarkan kepada 'ilmu pengetahuan'. Alasan mereka mudah sahaja, 'at least anda dapat ilmu', duit anda dibayar untuk 'ebook' dan sebagai syarat untuk menyertai program mereka. Kelakar bukan ? Dan yang lebih menggelikan hati ialah ebook tersebut sebenarnya 'mudah diperolehi'. Kalau cari di internet memang mudah dapat, senang cakap 'kalau orang tak tahu memang mudah terkena'.

Ebook-ebook itu memang bagus dan padat dengan informasi tetapi masalahnya ia seolah-olah dilambakkan di satu tempat, ada yang diberi secara HARAM ( tidak mendapat kebenaran penulis asal buku itu ) lantaran itu hilanglah 'nilai sebenar' untuk ebook-ebook itu. Mereka menjadikan 'proses menimba ilmu' sebagai 'umpan' untuk menarik lebih ramai ahli. Jadi apabila ini berlaku, jika ahli baru tidak mendapat pulangan/komisen/ apa sahaja yang dijanjikan , mereka tidak akan rasa rugi kerana sudah mendapat produk.

## Kenapakah Ebook dijadikan umpan ?

Ebook adalah sangat mudah untuk didapati dan dicipta, ianya tidak memerlukan penyimpanan stok, tiada tarikh luput, kos membuatnya adalah hampir sifar dan memang mudah diedarkan dalam masa yang singkat. Jadi anda membayar sejumlah wang dan mendapat 'produk' sedangkan 'produk' itu sebenarnya bukanlah boleh dianggap sebagai satu istilah produk kerana ia hanya 'dipergunakan' dan 'dieksploitasi' menjadi alat seakan-akan ia kelihatan seperti satu produk. Di sini anda tidak seharusnya tertipu lagi.

Memang wujud penjual-penjual ebook di Internet ( Malah itu merupakan antara teknik paling berkesan untuk buat wang sebenarnya ) tetapi mereka tidak menganjurkan sebarang skim atau merekrut ahli-ahli baru, kalau adapun program affiliate ( anda diberi komisen apabila menjual ebook mereka melalui link yang telah diberikan ) tetapi ia lebih kepada strategi pemasaran dan bukan satu skim besar-besaran, bukan merekrut orang untuk mendapat wang semata-mata. Malah ebook-ebook tersebut bukanlah boleh dilambakkan sewenang-wenangnya kerana ia mempunyai hak cipta dan masih lagi tertakluk kepada akta penerbitan. Namun begitu, ada pihak yang sanggup menyalahgunakannya dan menjadikan ia sebagai 'alat' untuk membina skim cepat kaya dengan mencipta program-program jana pendapatan sambil menimba ilmu ( alasan mereka adalah untuk menimba ilmu supaya mereka tidak kelihatan 'buruk' atau 'jahat' )

.. Anda akan mudah mengenalinya melalui ciri-ciri berikut :

- Anda perlu berikan atau memasukkan duit dahulu barulah ia berjalan
- Ia melibatkan ramai ahli baru yang 'asing' bagi anda
- Anda perlu cari orang untuk membeli produk dan menyertai program itu

- Proses cari orang tidak boleh putus, jika ya maka tiada pendapatan
- Melibatkan proses-proses seperti nama dinaikkan, nama dikeluarkan dan sebagainya supaya ia kelihatan adil dan kelihatan seperti 'main kutu'
- Memberikan komisen-komisen besar setelah mencapai tahap yang dijanjikan, tetapi perlulah 'lengkap'. Tidak boleh ada lubang.

Realitinya, semakin sukar untuk mencari orang baru kerana apa-apa pun di dunia ini tidak akan kekal, itu satu hukum alam. Lama-kelamaan, ia akan haus dan mencapai titik tepu, jika anda pernah belajar sains, mungkin anda pernah melihat graf pertumbuhan bila pertumbuhan sudah mencapai satu titik optimum, ia akan menurun dan jatuh. Titik optimum itu adalah 'kepadatan', bila sudah ramai yang masuk ia akan jadi tepu dan tidak boleh menarik orang baru lagi. Ramai yang bertengkar dan tidak bersetuju, dan ada juga yang cuba 'keluar' dari persoalan ini dengan mengatakan 'Siapa cepat dia dapat', 'masuklah sementara masih ada peluang', dan saya tidak bersetuju dengan idea ini. Ia lebih akan menjadikan anda seorang yang 'oportunis', pemalas dan jika tiada peluang, maka anda tidak akan berusaha untuknya. Ini bukanlah satu langkah bijak untuk mencapai kekayaan, lebih-lebih lagi ramai yang terkeliru skim sebegini dengan konsep perniagaan. Mereka cakap, 'it's all business !' Bisnes Apa ? Fikirkan kembali !

Untuk anda lebih jelas akan konsep ini, anda boleh melakukan satu eksperimen ringkas. Cuba anda bancuh air dan masukkan gula. Mula-mula sesudu, kemudian tambah lagi, tambah lagi, tambah lagi tetapi jangan tambah air. Untuk secawan air, anda memasukkan sehingga 40 sudu gula, apa yang akan berlaku pada bancuhan itu ? Ya, gula tidak akan larut lagi disebabkan ia sudah mencapai takat tepu, tambahkan gula sebanyak manapun ia tidak akan larut lagi. Begitulah halnya dengan skim piramid, ia

akan mengalami ketepuan malah dengan kadar lebih cepat, apabila ini berlaku maka orang-orang yang 'lewat masuk' akan menerima padahnya.

Satu lagi contoh mudah ialah dengan melihat kepada scenario jualan barang-barang di tempat anda. Katakan anda pelopor kepada produk Tongkat Ali di Besut. Produk anda memang bagus dan ramai yang membeli dari anda, seterusnya nama produk itu pun laris di Besut, sebut sahaja produk A, maka nama anda pun akan disebut sama, seakan-akan sinonim dengannya. Setelah beberapa minggu, ada orang lain pula yang ingin menjual produk sama di Besut tetapi dia lewat merebut peluang kerana baru sahaja balik dari ibu negara dan kebetulan ingin berniaga juga, dan kebetulan lagi dia pun pernah menjual produk itu di KL.

Pada pendapat anda, siapa yang akan membuat lebih jualan produk A ? Bagaimana pula dengan orang-orang lain yang ingin turut sama menjual produk A di Besut, sebulan, 2 bulan dan 3 bulan selepas itu ? Di situlah anda akan lihat kesan ketepuan terhadap jualan perniagaan produk A itu. Samalah juga jika anda menyertai skim piramid. Tidak mustahil sekiranya akan timbul 10,20 atau 30 orang lagi yang menyertai program yang sama di tempat anda, saling bersaing merebut ahli baru, di sini anda akan lihat, adik beradik pun sanggup bergaduh berebut downline, malah saudara mara tidak dihiraukan lagi, yang penting dapat orang baru dan duit pun masuk. Bagaimana anda fikir cara-cara lain yang sesuai dilakukan untuk mendapatkan orang baru lagi di situ? Di sinilah anda dapat perhatikan faktor luaran akan lebih memainkan peranan seperti mempunyai kereta lebih mewah, mempunyai kenalan yang lebih ramai, mempunyai pengaruh politik yang lebih kuat dan semua ini akan mempengaruhi mentaliti orang melayu khususnya untuk menyertai program ini.

Tiada siapa yang akan memulangkan kembali wang yang dilaburkan itu, maka wujudlah situasi menangis tak berlagu, dan menuduh upline sebagai

penipu dan berbalah kerana tidak mendapat apa-apa pun. Justeru salah siapa sebenarnya ?

### **Langkah berhati-hati :**

- **Jauhi program yang memberikan komisen hanya dari tugas anda untuk merekrut orang baru sahaja dan bukan dari hasil jualan mana-mana produk fizikal**
- **Berhati-hati dengan program yang mendakwa mampu menjana wang untuk anda hasil daripada rekrut pengedar/ejen baru dan bukan dari hasil jualan produk berkualiti**
- **Kaji sebarang dokumen, bukti dan testimoni orang yang telah berjaya, adakah ia palsu, dibuat-buat atau memang fakta yang sahih dan benar**
- **Jangan tergopoh-gopoh memberikan maklumat dan tandatangan anda pada mana-mana program MLM atau program jana pendapatan, mungkin ia Skim Piramid yang berselindung di sebalik MLM. Pastikan ia mempunyai lessen AJL.**
- **Usah berasa tertekan atau berasa wajib untuk memberikan sebarang maklumat atau persetujuan di mana-mana seminar perniagaan atau seminar MLM, selidiki dahulu modus operandi mereka. Lihat dan berfikir dengan kritis dan analitis, cuba kesan sebarang penipuan atau wujud suatu kekeliruan dalam pelan mereka.**

- **Peringatan : Jika mereka tidak dapat membuktikan bahawa mereka memang menjual produk atau memberikan servis secara sah, maka lupakanlah.**
- **Perhatikan ayat-ayat 'SKIM PIRAMID' berikut :**
  - “ Downline/rekrut baru anda yang akan buat kerja untuk anda, tugas anda hanya duduk berehat dirumah dan dapat wang
  - “ Rahsia menjadi jutawan ada pada kit permulaan yang berharga RM150”
  - “Sertai Network terbesar dan terpanjang di dunia, baru dilancarkan dan membayar sehingga 300% pulangan dalam masa singkat”
  - “ Ajak kawan-kawan anda dan dapatkan komisen sebanyak mungkin melalui auto-downline, kami mencari downline kepada anda, anda duduk diam dapat duit “
  - “ Dapatkan RM\*\*\*\*\* dengan bermodalkan hanya RM\*\*\*\*”

## **Surat Berantai Offline dan Online**

Bayangkan anda menerima surat atau promosi internet yang menyuruh anda memasukkan wang ke dalam satu senarai nama yang tidak anda kenali, dan pada minggu depan anda akan menerima beribu-ribu ringgit dengan modal sebanyak puluhan ringgit sahaja. Seronok bukan ? Menjadi jutawan dengan bermodalkan RM10 sahaja ?

Penganjur program itu ibarat pilot kapal terbang, dan anda serta orang lain adalah penumpang kapal itu. Setiap penumpang membayar sejumlah wang untuk terbang ( untuk jadi jutawan ), katakan setiap orang membayar RM750, dan kapal terbang berlepas dengan RM7500 ( ada 10 penumpang ). Setelah kapal terbang berada di udara, pilot kemudiannya akan memakai beg payung terjun dan terjun. Tinggallah anda bersama-sama 10 penumpang

lain yang menaiki kapal terbang tanpa pilot. Pilot membawa bersama wang RM7500 dan membiarkan kapal terbang jatuh.

Contohnya :

Anda menerima surat atau brosur elektronik yang menampilkan 10 nama bersama alamat atau no akaun bank atau kedua-duanya, dan yang terbaru ialah no telefon bimbit

Rafidah binti Mahmud No 3, Taman Dusun 4, Taman Jutawan, 16300 Bachok Kelantan	Mohd Azman bin Ali  No BSN :  3000978666944	Sukri bin Mamat  <b>012 - 7754689</b>
--	--	---

Mereka akan menyuruh anda hantar wang, SMS, atau pindah kredit melalui telefon bimbit, dan memasukkan wang ke akaun orang lain, dan akan menerima formula jutawan atau apa sahaja sebagai ganjaran. Kebanyakannya adalah maklumat jutawan atau cara-cara untuk menjadi kaya dengan cepat. Kemudian anda akan memasukkan nama dalam senarai nama tersebut, nama paling atas akan dikeluarkan dan senarai nama di naikkan ke atas.

Anda akan diminta untuk memfotostat salinan itu dan menghantar kepada orang lain. Secara teori, duit memang akan keluar masuk, ada pihak menerima dan ada pihak terkeluar tetapi realitinya ia tidaklah sebegus dan sesistematik itu, akan ada pihak yang membuat penipuan dan meletakkan nama samaran, nama saudara mara atau mengubah senara itu untuk mengaut keuntungan, dan sistem seperti ini tida dijamin, peluang untuk ditipu adalah sangat tinggi dan tiada pihak berkuasa yang memantaunya.

‘Tiada Jaminan Kukuh Untuk Pulangan’

‘Panganjur boleh menamatkan program pada bila-bila masa dan melarikan wang tersebut’

‘Anda tidak dapat mengadu kepada sesiapa pun’

## Penipuan Internet

Pernahkah anda terjumpa atau diberikan maklumat bagaimana untuk jadi jutawan, untuk kaya cepat dan perkara-perkara yang hampir sama. Ia datang dalam bentuk yang sangat professional, nampak memang ‘masyuk’ dan pendapatan yang ditunjukkan adalah dalam angka jutaan ringgit, dan diperolehi dengan cara cepat, tanpa berbuat apa-apa. Panganjur seringkali meletakkan ‘bukti-bukti’ mereka dalam bentuk grafik seperti gambar kereta-kereta mewah, penyata bank, gambar pembeli ( melalui testimoni yang sengaja dibuat-buat ), malah mereka sanggup berbuat apa sahaja untuk tampil professional, dan nampak ‘real’. Anda perlu berhati-hati dengan golongan ini kerana mereka adalah professional, setiap ayat di laman web adalah ayat professional ( dibuat oleh pakar copywriter dengan upah setinggi RM3000 ke atas ) khas untuk memancing orang-orang yang sukar dipancing. Mereka-mereka ini seringkali berselindung di sebalik formula-formula hebat, teknik buat wang di rumah dan banyak lagi.

Persoalannya, mereka sendiri tidak pernah mengamalkan teknik-teknik itu dan menjual formula-formula kerana ia kelihatan bagus dan kelihatan ‘memang boleh buat duit’

Pernahkah anda melihat iklan-iklan seperti ini ?

**Mahukah anda menjana wang sebanyak RM700 seminggu hanya berada di rumah ? RM2800 sebulan dengan hanya menghantar katalog perniagaan kami dari rumah ? Anda mampu menjana wang sebanyak ini dari rumah tanpa perlu berhenti kerja, keluar rumah atau bekerja siang dan malam. Kami sudah menyediakan pakej khas ini untuk anda dengan selengkapnya. Tugas anda hanyalah menghantarnya menerusi pos dari rumah. Peluang kerja dari rumah yang sangat berkesan - DIJAMIN**

Terdapat banyak variasi seperti ini seperti upah menaip, memasukkan belon dalam plastik upah hantar boring, isi boring, buat survey dan sebagainya. Prinsip mereka mudah sahaja : **Kerja Mudah Tapi Upah Besar**. Tawarkan pembeli dengan kerja-kerja mudah yang boleh dibuat di rumah tanpa perlu penat berfikir dan mengeluarkan penat lelah seperti menaip, memasukkan objek, menampal, atau apa sahaja tetapi berikan mereka habuan yang besar sehingga 4 angka, syaratnya upah mesti munasabah dan masuk akal. Jika pendapatan menjanjikan angka tidak masuk akal maka tidak menjadi. Itulah formula mereka. Namun, berapa keratkah yang berjaya, adakah terdapat sebarang 'track record' syarikat yang memang membayar sejumlah wang seminggu/sebulan atau sekadar alat pancing ahli sahaja ? Mereka akan melakukan apa sahaja, meletakkan bukti cek dan bermacam-macam lagi kerana di zaman ini, persaingan adalah sengit dan mereka perlu ada kelebihan berbanding pesaing iaitu bukti bertulis/bukti konkrit seperti cek dan penyata bank tetapi kita tidak tahu samada ia benar-benar adalah pendapatan sejati daripada kerja itu atau tidak. Mungkin ia adalah pinjaman bank ? Mungkin ia adalah milik orang lain yang memang berjaya tetapi disalahgunakan untuk memancing pelanggan.

## Bagaimana Melindungi Diri Anda Dari Skim-skim Ini ?

- Pastikan penganjur, syarikat atau individu tersebut benar-benar berdaftar dan mempunyai lesen perniagaan yang SAH, mempunyai alamat perniagaan yang TETAP dan telah lama beroperasi
- Bertanya di forum-forum Internet terkenal, seperti di [www.mesra.net](http://www.mesra.net), [www.melayu.com](http://www.melayu.com), [www.bicarajutawan](http://www.bicarajutawan), [www.wangcyber.com](http://www.wangcyber.com) , [www.putera.com](http://www.putera.com) dan sebagainya yang membincangkan hal ehwal menjana wang di internet, dapatkan pendapat pakar dari sana, jangan cepat percaya atau cepat membuat kesimpulan.
- Buat carian di enjin carian seperti [www.google.com](http://www.google.com) dan [www.yahoo.com](http://www.yahoo.com) dan carilah kata kunci berdasarkan syarikat, pengendali atau nama program tersebut dan lihat perbincangan atau komen-komen yang telah dibuat oleh komuniti di internet, adakah ia boleh dipercayai atau hanya hype semata-mata. Mungkin terdapat aduan dan fraud yang telah berlaku, teliti semasa membacanya di Internet.
- Ambil masa untuk berfikir, usah terpedaya dengan 'TAWARAN TERHAD', yang menggunakan taktik TEKANAN yang menyuruh anda bertindak tanpa terlebih dahulu menyelidiki program itu
- Sentiasa ingat, orang-orang di Internet bukan seperti yang anda sangkakan, ada yang benar-benar serius membina bisnes dan ada yang hanya tahu membuat untung sahaja, dan ada kaki penipu di mana-mana. Sama seperti ada berchatting, macam-macam ragam orang yang berselindung di sebalik nama samaran, oleh itu berhati-hatilah ketika membeli
- Jangan letakkan harapan terlalu tinggi untuk cepat kaya, beli dan labor pada pihak yang anda kenal dan anda percaya sahaja
- Term of Services ( TOS ) seringkali boleh diubah oleh pengendali program, mereka tidak takut untuk menukar syarat-syarat selagi

merema mendapat untung dan tidak perlu membayar balik duit anda kembali. TOS boleh dimanipulasi selagi ia hanya dokumen yang dibaca, melainkan ada persetujuan hitam putih di atas kertas dan mengandungi cop syarikat, tandatangan persetujuan dari kedua-dua pihak.

- Jangan sertai atau membeli sesuatu/melabur hanya berdasarkan hype atau kegilaan orang ramai, tidak semestinya ramai orang bermakna ia sah atau selamat. Di Internet, macam-macam orang memberikan testimony, komen dan sebagainya asalkan orang lain membeli daripadanya atau menyertai di bawahnya.
- Jangan sesekali memberikan nombor akaun bank, no kad kredit atau segala maklumat anda yang penting kepada orang yang anda tidak kenal atau yang tidak pernah anda tahu kewujudannya. Sudah banyak kes sebegini, terutamanya yang berkaitan sindiket 'Black Money' yang dianjurkan oleh warga Afrika yang tidak bertanggungjawab. Malah, mereka sanggup membunuh setelah berjumpa dengan pelabur semata-mata ingin menutup kegiatan haram mereka itu.
- Tidak pernah wujud individu yang sanggup bekerja dan menawarkan servis untuk menolong orang lain menjana wang, kerana tidak ada lagi kes orang yang sanggup bekerja untuk orang lain. Jadi, sekiranya anda ditawarkan dengan sejumlah wang dan mereka menguruskan hal lain untuk anda, maka berhati-hatilah, mungkin ada udang di sebalik batu.
- Jangan lihat dari segi luaran sahaja, malah pengendali-pengendali skim cepat kaya sudahpun belajar bagaimana untuk memanipulasi pemikiran orang lain. Mereka akan mencipta laman web yang professional, yang nampak cantik dan sistematik lengkap dengan program-program automatic yang akan mencairkan hati sesiapa pun. Anda tidak akan pernah terfikir bahawa mereka sedang memperdaya

anda, sehinggalah anda memasukkan wang dan menunggu pulangan, ibarat menunggu kucing bertanduk. Dan anda cuba masuk kembali ke laman web itu, mereka sudah tidak beroperasi lagi. Untuk pengetahuan anda, untuk mencipta sebuah laman web yang professional tidaklah sesukar mana, terdapat beribu-ribu 'template profesional' yang boleh digunakan secara percuma. Hampir sesiapa sahaja boleh mencipta apa sahaja, jadi berhati-hatilah.

- Jangan buka email dari individu yang tidak dikenali, ia mungkin mempunyai virus atau adalah penganjur skim cepat kaya. Mereka melakukan 'SPAM' , sangat tidak beretika dan cara ini adalah cara yang paling kerap digunakan oleh mereka. Terus delete dan kategorikan sebagai SPAM email-email seperti ini.

# Helah Menang Hadiah Besar, Menang Loteri, Skim Gores & Menang

Anda pasti terkejut apabila membuka email dan terdapat beberapa email yang mengucapkan tahniah kepada anda kerana sudah menang hadiah besar. Masakan ia berlaku kerana anda sendiri tidak pernah menyertai peraduan itu, mana mungkin akan menang tanpa sebab-sebab kukuh. Dan kebiasaannya mereka menawarkan ganjaran besar yang tidak masuk akal dan datang dari pengusaha-pengusaha skim cepat kaya dari luar negara.

Skim-skim ini akan menawarkan tiket-tiket 'misteri' dan 'dijamin menang besar' jika bertaruh ke atasnya tetapi anda perlu membayar mereka dahulu. Alasan mereka adalah untuk kos 'pentadbiran', kos 'pengurusan', 'pendaftaran' dan sebagainya yang kelihatan seolah-olah SAH dan BERDAFTAR. Mereka mendakwa ia program yang SAH dan BERDAFTAR dengan badan-badan antarabangsa. Contoh-contoh loteri yang ditawarkan termasuklah anda perlu membeli terlebih dahulu tiket penerbangan antarabangsa daripada mereka untuk menerima hadiah itu di sana nanti ( katakan di Las Vegas ), loteri yang menawarkan hadiah berupa barang kemas dan berlian yang dikatakan asli dan bermutu tinggi sebagai umpan untuk kaum wanita.

Kebiasaannya, tiada hadiah dan tiada wang untuk anda, mereka mendapat alamat email anda melalui beberapa program yang dipanggil 'e-mail harvester', bermakna email anda dicuri secara teknikal melalui program yang dikhususkan untuk mencari alamat email orang di Internet. Jika ada sekalipun, harga yang anda bayar adalah lebih tinggi berbanding barang

yang anda dapat, anda diberikan hadiah palsu, hadiah yang tiada nilai, dan ada yang lansung tidak mendapat apa-apa dek kerana termakan pujuk rayu mereka.

Ada juga pihak yang menyamar menjadi orang kenamaan, duta-duta asing, wakil-wakil dari syarikat Antarabangsa, ejen-ejen khas yang mendakwa mempunyai lesen dan sebagainya untuk beroperasi. Ada yang mendakwa anda sebenarnya adalah pewaris kepada harta seseorang yang berada di Afrika yang bernilai berbillion dollar Amerika. Ada yang mendakwa anda adalah antara nama yang tersenarai dalam surat wasiat seorang jutawan yang berada di Nigeria, saudara mara terdekat dan macam-macam lagi yang tidak masuk akal tetapi mengganggu emosi sesetengah pihak.

Terdapat kes di mana ada yang benar-benar percaya dan sanggup pergi ke sana dan tidak pernah pulang sejak itu. Mereka dipercayai diculik dan dibunuh setelah duit pendahuluan diserahkan kepada pihak penganjur. Malah, kerajaan di sana tidak pernah ambil tahu kes-kes sebegini dan ianya ibarat menyiasat kes orang hilang. Memang benar, ada individu yang terperangkap dengan 'helah-helah' mereka yang sanggup menghantar salinan surat warisan harta melalui kurier ke Malaysia, dan memberikan dokumen-dokumen palsu yang lain ( secara professional ) sehingga yang terkena ialah orang yang terpelajar, orang yang waras dan dari golongan professional. Dek kerana inginkan harta yang banyak, mereka ditipu dan dibunuh di luar negeri untuk menghilangkan bahan bukti. Sungguh menyeramkan kerana ia boleh terjadi kepada sesiapa sahaja yang benar-benar teruja dengan pujuk rayu kemewahan yang dijanjikan.

Ada juga pengendali yang menggunakan nama-nama besar seperti IMF, Microsoft, Bill Gates dan bermacam-macam lagi untuk mendapatkan wang daripada anda. Helah mereka mudah sahaja, anda dipilih sebagai

pemenang hadiah pertama hasil daripada pemilihan juri-juri yang menganjurkan seminar bantuan, menganjurkan kutipan anak-anak yatim sedunia, yang mana memberikan anda sehingga USD352 juta. Dan seperti biasa, anda perlu membayar sejumlah wang untuk proses pengurusan penghantaran cek ke Malaysia, mungkin dalam RM500 supaya cek selamat sampai ke Malaysia. Ada yang menghantar hadiah tetapi berupa barang-barang kemas atau berlian dipercayai bernilai hanyalah \$2 sahaja dan mereka membelinya dari lelongan barang-barang murah di sana. Ibarat anda membeli sebuah jam tiruan di pasar malam dan memberikan ia sebagai hadiah kepada pemenang yang membayar beratus-ratus dollar Amerika untuknya. Ada yang tertipu jadi berhati-hatilah.

Ada juga pengendali yang lebih pintar dan menawarkan tilikan nasib melalui bacaan nasib, tilikan nasib kad tarot atau laporan psikik. Mereka menggunakan nama-nama besar seperti 'Valerie Taylor' atau 'Anthony Carr', yang merupakan antara tokoh-tokoh tilikan nasib dunia. Mereka meminta sejumlah wang daripada anda dan menghantar laporan tilikan nasib berupa nombor ekor atau nombor loteri, taruhan lumba kuda yang tidak betul dan ada yang hanya difotostat sahaja dan diberikan kepada sesiapa sahaja yang ingin nasib kewangannya ditilik.

Bagaimana menghadapi helah sebegini ?

- Fikirkanlah secara logik, bagaimana anda akan menang loteri sedangkan anda sendiri tidak pernah menyertainya? Hakikatnya, ia hanya wujud sebagai umpan kepada individu yang memang perlukan duit, nama dihitamkan oleh pihak bank dan sebagainya. Dan jika anda menang sekalipun, anda tidak perlu membayar wang untuk mendapatkan hadiah itu bukan ? Kenapa pula perlu bayar sedangkan

anda sudah menang, bukankah hadiah itu 100% hak anda tanpa perlu bayar sesen pun ? Adakah syarikat itu terlalu daif dan miskin sehinggakan duit pengurusan dan pentadbiran atau kos untuk keluarkan cek/hadiah pun perlu ditanggung oleh pemenang ? Sungguh kelakar modus operandi mereka ini.

- Satu peringatan : setelah anda bersetuju dan mendaftar nama serta maklumat-maklumat diri sulit anda yang lain, maklumat itu mungkin akan dijual pada orang lain pada harga yang ditetapkan untuk dijadikan 'mailing list' yang merupakan skim cepat kaya. Maka anda akan terus dihujani dengan surat/email skim cepat kaya
- Semak maklumat penganjur loteri/peraduan tersebut dan semak di carian Google atau Yahoo untuk melihat samada ia sah atau tidak, semak samada wujud sebarang aduan atau penipuan yang wujud.
- Jangan sesekali memberikan maklumat kad kredit anda, mereka seringkali memberi alasan bahawa ia adalah sebagai 'identiti' anda tetapi ia bukan.

Pengendali skim ini memang sangat licik dan sangat professional kerana mempunyai modal yang besar selepas setiap penipuan dilakukan. Mereka akan menggunakan teknik-teknik yang kompleks dan professional, termasuklah mempunyai servis khidmat pelanggan untuk menambahkan keyakinan pelabur. Mereka juga mampu menyewa pejabat-pejabat mewah, ada pekerja dan staff, pakar-pakar pelaburan, ahli teknikal dan brosur atau penerangan pelaburan yang nampak professional dan nampak 'real'.

Sasaran mereka adalah golongan berumur yang mempunyai wang pesaraan dan mempunyai simpanan wang yang lebih banyak berbanding orang muda. Mereka akan mencadangkan mangsa supaya melabur dengan angka yang banyak, dan menjanjikan pulangan berlipat-kali ganda melalui aktiviti dan perniagaan yang dilakukan di luar negara.

### Penipuan Afrika

Surat Berantai Nigeria ( Nigerian Letter Scam )sememangnya antara penipuan dan 'SCAM' yang paling popular di seluruh dunia. Anda akan menerima sepucuk surat/email yang ditulis oleh pegawai atasan Pertubuhan Petroleum Nigeria ( kononnya ) dan dilabel sebagai 'strictly confidential'. Mereka menawarkan peluang untuk berkongsi hadiah bonanza bernilai hampir \$38.5 juta. Contohnya seperti ini :

**Dear Sir,**  
**First, I must solicit your strictest confidence in this transaction. This is by virtue of its nature utterly confidential and 'top secret'. You have been recommended by an associate who has assured me in confidence of your ability and reliability to prosecute a transaction of great magnitude involving a pending business transaction requiring maximum confidence.**  
**We are top officers of the Federal Government Contract Review Panel who are interested in the importation of goods into our country with funds presently trapped in Nigeria. We solicit your assistance to enable us to transfer into your account the said trapped funds.**  
**I have been delegated as a matter of trust by my colleagues to look for an overseas partner into whose account we would transfer the sum of \$US21,320,000 (TWENTY ONE MILLION THREE HUNDRED AND TWENTY THOUSAND UNITED STATES DOLLARS)...We have agreed that you will be entitled to 30% of the total sum, 60% for us and 10% will be set aside for any expenses while transacting the business.**

Surat ini menerangkan bahawa pegawai kerajaan Nigeria dilarang untuk menguruskan akaun bank luar Negara. Mereka hanya perlukan maklumat terperinci akaun bank syarikat anda dan beberapa helai surat kosong yang mempunyai kepala surat syarikat anda.

Mana-mana syarikat dan individu yang memberi respon kepada tawaran ini akan menerima sepucuk surat lagi dari pihak Nigeria ini meminta sejumlah wang di atas alasan untuk memberi rasuah kepada pihak pengurusan di Nigeria supaya memproses

permintaan anda di Nigeria. Selepas wang dihantar, tiada lagi sebarang berita yang diterima selepas itu, tiada surat mahupun email dan yang lebih menyedihkan, ia melibatkan sehingga beratus-ratus ribu ringgit untuk 'upah' mendapatkan \$38.5 juta tadi.

Langkah berhati-hati :

- Anda akan diberikan sejumlah wang yang sangat besar tanpa sebab-sebab kukuh
- Mereka akan menghantar surat/email berkali-kali memaksa anda bertindak dengan cepat , jika tidak peluang itu tidak akan ditawarkan lagi
- Mereka enggan menghantar dokumen-dokumen sah yang mengikat kontrak anda dengan pihak mereka, tiada hitam putih
- Mereka mendakwa anda akan mendapa pulangan berlipat-lipat kali ganda melalui program francais atau peluang perniagaan luar negara yang langsung tidak dapat menjamin pulangan wang anda kembali sekiranya ia gagal dilakukan.
- Dapatkan salinan prospectus syarikat luar negara itu untuk mendapatkan analisis terperinci serta risiko tentang pelaburan itu
- Dapatkan nasihat penasihat kewangan professional yang berdaftar atau penasihat kewangan yang dipercayai sebelum melabur
- Usah terpedaya dengan kemewahan luar negara, ia tidak selalunya menjanjikan kemewahan malah kerugian yang berlipat kali ganda mungkin berlaku

## Peluang Jana Wang Di Rumah

Anda mungkin sudah biasa melihat iklan-iklan tersebut di iklan-iklan majalah tabloid atau di majalah-majalah tempatan. Mereka menjanjikan pendapatan 4-5 angka dengan bekerja dari rumah. Mereka tidak menyatakan dengan jelas tentang penerangan perniagaan yang dibuat dan angka pendapatan tidak dinyatakan dengan jelas. Anda wajar berasa was-was sekiranya mereka meminta bayaran untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut walaupun ia serendah 50 sen sekalipun. Mereka nampak hebat dan meyakinkan tetapi seringkali tidak memberikan penerangan lengkap tentang apa yang perlu anda buat. Sentiasa berhati-hati dengan iklan yang membuat tawaran terlalu hebat/tidak masuk akal untuk peluang bekerja di rumah.

'Bayangkan memiliki perniagaan sendiri, menjadi boss, bekerja hanya beberapa jam seminggu, tidak perlu bekerja dengan orang lain lagi...bla,bla,bla...sebuah perniagaan yang seronok dilakukan,mudah, dan menjimatkan tenaga. Tidak memerlukan staff, tidak memerlukan kos permulaan perniagaan yang tinggi, tidak perlu menulis buku, tidak perlu menjual, kebebasan bekerja di rumah...dan mereka terus merepek sehinggalah anda mula percaya dan mula mengeluarkan wang untuk menyertai program perniagaan itu. Selepas anda menyertainya dan mengkaji lebih dalam, barulah anda tahu bahawa ianya palsu belaka dan terus naik menyampah melihat iklan-iklan sebegitu terus muncul setiap hari.

Kebanyakan peluang bekerja di rumah sebenarnya sukar dilepaskan oleh sesiapa sahaja, lebih-lebih lagi apabila sasaran utama mereka ialah anak-anak muda yang masih menganggur dan tidak mendapat kerja atau suri-suri rumah yang ingin menambah pendapatan. Mereka akan mendakwa anda

berpeluang mendapat ratusan, malah ribuan ringgit dalam beberapa hari sahaja, bekerja di rumah untuk beberapa jam seminggu, semudah mengisi maklumat ke dalam sampul surat dan mengepos kepada orang lain. Apa yang mereka perlukan hanyalah menarik perhatian sesiapa sahaja dan menerima wang yang dihantar kepada mereka, itu sahaja. Tarik penderma dan dapat wang ( ya, istilah penderma kerana anda seolah-olah menderma kepada mereka )

Contoh Iklan :

### **PELUANG NIAGA DI RUMAH**

**Dapatkan sehingga RM500 seminggu dengan mengisi maklumat dan mengepos hanya di rumah. Duit Mudah !. Sudah Ramai Yang Berjaya, Jangan Lepaskan Peluang. Bertindak Segera. Hantar surat beralamat sendiri ke PGR, Peti Surat 30, Pos Kuala Nerang, Kedah.**

Kebanyakan kerja-kerja ini akan menawarkan upah kepada anda untuk 'mengisi maklumat ke dalam sampul surat dan mengepos kepada orang lain' tetapi hakikatnya ini juga merupakan skim cepat kaya, tetapi berselindung di sebalik peluang jana wang di rumah. Mereka juga kerap-kali menggunakan mail order sebagai konsep perniagaan, sedangkan mail order sebenarnya adalah konsep perniagaan gaya pos yang sah dan berdaftar dan tidak melibatkan proses 'wang yang berpindah dari tangan ke tangan orang lain'. Pendek kata, mail order telah disalahgunakan ke arah keburukan. Setelah anda menghantar surat kepada pihak tersebut, anda akan diminta untuk membuat pembayaran untuk mendapatkan 'pelan pemasaran/pelan perniagaan nanti'. Contohnya anda membayar RM2 untuk sehelai kertas fotostat murahan yang bernilai kurang dari 5 sen. Ia akan menyuruh anda meletakkan iklan yang serupa, anda juga disuruh memfotostat kembali 'pelan pemasaran/pelan perniagaan' itu untuk diedar kepada orang lain menggunakan cara yang sama. Orang yang membuat duit sebenarnya adalah tauke asal yang membuat iklan pertama dan terus menjana wang

menerusi 'pelan pemasaran/pelan perniagaan' yang difotostat itu. Itulah sebenarnya 'peluang menjana wang dirumah dengan pendapatan 4-5 angka dengan mengisi surat dan mengepos'. Ramai yang menjadi mangsa tetapi tidak sedar akan keadaan itu sehingga mereka sudah penat membuat iklan dan tidak mendapat sebarang keuntungan besar. Pendek kata, cukup-cukup membayar kos iklan sahaja.

Sasaran utama skim ini ialah orang yang memerlukan duit tambahan yang banyak dan sedang mengalami 'keparahan' dari segi kewangan ( di mana ia adalah antara penyakit no 1 menyerang orang di mana-mana pun di seluruh dunia ). Sasaran juga adalah individu yang tidak mampu untuk bekerja di luar rumah atau tiada masa untuk menjana pendapatan sampingan akibat kurang modal/ kurang pengetahuan. Iklan nampak hebat tetapi hanya di usahakan oleh pengendali yang tidak bertanggungjawab. Mereka akan menguatkan lagi program ini di mana ' Pengalaman Kerja Tidak Diperlukan', ' Modal Kosong' ' Pelaburan Anda Kosong'. Ciri-ciri kesamaan program-program ini ialah mereka akan meminta sejumlah wang dahulu barulah anda boleh mula 'bekerja di rumah'.

Ada juga yang menyuruh anda membeli beberapa bahan seperti alat-alat menjahit, apron, kapas, bakul, hiasan krismas, mainan atau sebagainya untuk mula bekerja. Anda tidak akan diberitahu supaya menjual kembali barang-barang keramat itu, kerana memang tiada pasaran untuknya dan sukar dijual kepada orang lain. Mereka hanya berminat untuk menjual barang-barang itu kepada anda sahaja dengan harga yang tinggi dan terus mendapat keuntungan. Sudahlah anda perlu bayar untuk mula berniaga, kemudian duit anda terus dihisap oleh mereka sehinggalah anda mula sedar bahawa anda sebenarnya sudah tertipu.

Ada pula yang mengatakan 'Pengalaman Kerja Tidak Diperlukan'. Mereka berjanji akan membeli balik sebarang bahan atau perhiasan yang telah anda buat, selagi mutu kerja anda adalah baik dan boleh 'diterima' syarikat mereka. Sudah tentu, mereka akan menolak dan enggan menerimanya walaupun sehebat mana anda membuatnya. Alasan mereka cukup mudah : Hasil kerja tangan anda tidak menepati ciri-ciri yang mereka kehendaki. Akhirnya, anda terpaksa menjual sendiri barang ciptaan anda itu kepada orang lain, itupun jika ada orang yang mahu membelinya. Pendek kata : mereka menang dan anda kalah.

## **Askar-askar Upahan Yang Merantau dan Mengetuk Pintu-pintu Rumah**

Kaedah ini merupakan antara kaedah terbaik untuk mereka melaksanakan hajat-hajat mereka, dengan merantau dari rumah ke rumah. Pembaikan rumah atau 'menghias rumah' adalah sesuatu yang sangat mahal, dan ada juga mereka-mereka yang 'terlepas' dan menceburi bidang ini. Berhati-hati apabila anda menerima brosur istimewa yang menawarkan khidmat membaikpulih atau menghias rumah pada harga yang sangat rendah. Ini antara skim cepat kaya yang tersembunyi. Setelah anda menandatangani kontrak, barulah anda sedar kenapa mereka menawarkan servis sebegitu murah, mereka tidak akan datang untuk membuat sebarang servis tersebut. Anda bayar kepada 'hantu-hantu' di siang hari.

Ada juga yang menawarkan 'khidmat pemantauan kualiti rumah secara PERCUMA'. Mereka akan datang ke rumah anda dan mencadangkan kepada anda beberapa ubahsuaian rumah yang mahal tetapi hakikatnya, anda tidak perlu semua itu. Mereka menyamar sebagai tukang baiki rumah, atau sesiapa sahaja yang terlibat dengan saliran dan sanitasi rumah. Mereka akan menunjukkan kad pengenalan syarikat yang tidak SAH

dengan sekelip mata dan menyimpannya. Selepas mereka 'membuat checking', anda akan dicaj dengan bil yang mahal yang tidak sepatutnya anda bayar.

Ada juga yang menjual alat-alat keselamatan untuk rumah dan kereta yang dijual pada harga jauh lebih tinggi dari biasa. Mereka akan datang ke rumah atau bertanya tentang kenderaan anda dan mula menerangkan tentang keselamatan dan memberikan anda brosur statistik kecurian kereta dan pecah rumah yang berlaku di kawasan anda/negeri anda supaya anda berasa perlu untuk membeli produk mereka itu. Harga untuk sistem kawalan keselamatan rumah/kereta sebenarnya sangat mahal, jadi untuk satu jualan mereka sudah membuat berlipat-lipat kali ganda komisen berbanding menjual produk lain.

### **Mulut Buaya di depan pintu rumah**

Seorang penjual vakuum mengetuk pintu rumah seorang warga emas yang berusia dalam lingkungan 72 tahun, hidup di pinggir Bandar bersendirian. Penjual itu berjaya menawan hati pembeli itu dan memujuknya untuk membeli segera. Tetapi, warga emas tersebut tidak mempunyai wang di rumah. Kemudian, penjual itu dengan 'relanya' menawarkan diri untuk membawa warga emas itu ke bank untuk menolongnya mengeluarkan wang dan membeli pada hari itu juga.

Seorang penjual penapis air menjual dari rumah ke rumah. Dia menyamakan dirinya datang dari Agensi Kualiti Air Kebangsaan ( tidak pernah wujud ) dan menawarkan khidmat menguji kualiti air paip di rumah secara PERCUMA. Ujikaji itu berjaya menukarkan segelas air paip yang jernih menjadi keruh. Ini 'trick' yang sudah biasa mereka lakukan. Mereka menggunakan beberapa bahan kimia yang akhirnya bertindak balas dengan

air lalu menghasilkan warna kekeruhan ( pakar kimia barangkali ). Lalu, dengan terkejutnya tuan rumah pun 'terbeli' penapis air yang disarankan oleh 'wakil agensi kualiti air kebangsaan' itu. Harganya sahaja mencecah sehingga RM4000 dan sebenarnya kualiti air adalah baik, cuma ia di'putarbelit' oleh penjual yang 'pandai' dalam proses' menyamar' dan merupakan 'saintis berjaya'.

## Skim Gores Dan Menang

Pernahkah anda duduk berehat di rumah dan pintu rumah diketuk oleh 'jurujual profesional' yang kelihatan kemas dan penuh keyakinan, sambil memegang sebuah beg bimbit ? Mereka tidak akan memaksa anda untuk membeli apa-apa pun tetapi hanya ingin memberikan beberapa maklumat tentang 'tawaran syarikat mereka' yang terbaru, pendek kata anda tidak rugi apa-apa pun. Anda tidak wajib membeli cuma anda perlu dengar sahaja. Lantas mereka pun masuk dan memperkenalkan diri, datang dari mana, syarikat apa dan apakah maklumat yang ingin disampaikan.

Setelah dibuka catalog syarikat, maka terpampanglah gambar-gambar pemenang peraduan syarikat mereka itu, ramai yang menang hadiah yang hebat-hebat belaka. Ada yang menang kereta, menang set Hi-Fi, Set Home Theater, Motor, malah menang rumah banglo pun ada tetapi jurujual itu tak berkata apa-apa. Dia hanya menunggu respon dari anda. Anda akan bertanya mereka , apakah peraduan itu dan bagaimana nak sertai dan di situlah 'operasi' mereka bermula, mereka akan menerangkan dengan panjang lebar bagaimana insan-insan bertuah itu menang besar dan apakah syarat-syaratnya.

Kemudian, Nah mereka pun menunjukkan betapa mudahnya untuk menang peraduan tanpa perlu menghantar borang-borang peraduan ke syarikat besar, atau menelefon atau hantar SMS ke TV. Kerja anda Cuma Gores dan terus menang, itu sahaja. Tidak pernah ada lagi orang yang gores tapi tak menang, yang ada gores dan menang. Ingat, mereka tidak akan memaksa anda untuk menggores tetapi mereka akan bercerita dan terus bercerita sehinggakan anda menjadi asyik dengan penerangan dan terasa ingin mencuba. Itulah kemahiran wajib mereka kuasai, jangan sesekali memaksa pelanggan tapi bawa pelanggan perlahan-lahan ke satu tahap di mana mereka tidak akan lepaskan peluang untuk menggores. Bukan gores dan kalah, dan anda pun mulalah tersenyum-senyum dan mula memilih petak yang 'bertuah itu'. Wow, anda gores dan sudah tentulah menang, cuba tengok apa hadiahnya.. Fuiyoo, menang satu set Microwave oven, not bad lah kan ? Lalu jurujual ni terus memancing anda, mengatakan memang sekali gores tak jadi, kena banyak kali gores tapi jangan sampai banyak sangat, ada 2 peluang gores aje lagi...Menurut jurujual lagi, pemenang-pemenang yang menang besar memang gores banyak barulah kena dengan barang yang mewah. Lalu mereka ketawa dalam hati, dapat komisen besar lagi aku kali ni..hehehe

Maka anda pun goreslah kali kedua dan ketiga, dapat satu penapis air dan pembersih vacuum. Wah, mana hadiah kereta, banglo, motor tadi ? Mana boleh jadi, orang lain dapat hadiah besar-besar, aku dapat ciput ? anda merungut dalam hati. Ya sebenarnya, tiada pun hadiah besar-besar, itu Cuma 'pancingan' sahaja, anda sudah termakan 'umpan'. Mereka pun mengucapkan tahniah kepada anda dan menyuruh anda datang ke syarikat untuk ambil hadiah..Oklah, tak menang kereta pun tak mengapa, at least menang barang dapur kira orait la jugak. Anda tak henti-henti menyedapkan hati sendiri.

Hari yang ditunggu akhirnya tiba, anda sampai di syarikat 'besar' itu. Apa ni ? Pejabat kecil yang disewa di atas sebuah rumah kedai ?, cakap syarikat besar, nampak macam masih baru dibuka dan tidak nampak 'grand' langsung. Anda pun masuk ke ofis boss dan menyerahkan kupon 'menang', maka boss pun bercerita, anda menang tapi kena bayar sedikit untuk kos pentadbiran dan kos pengurusan dan entah apa-apa lagi kos yang ada. Jadi anda perlu bayar RM2000 dulu barulah dapat 'hadiah-hadiah' itu. Lalu apa lagi, anda pun mula melenting dan naik angin kerana anda gores dan menang, bukan gores, menang, kena bayar baru dapat hadiah. Lalu boss syarikat pun memujuk anda dengan mengatakan, harga itu adalah terlalu murah jika dibandingkan dengan harga sebenar untuk ketiga-tiga hadiah itu. Anda akan jimat besar berbanding membelinya di tempat lain. Setelah puas anda berfikir, maka anda pun setuju, sudah kira orait lah sebab dapat 3 barang sekaligus, dapat dengan harga murah, kalau beli kat kedai mau cecah RM4000 lebih. Boss syarikat pun terangkan lagi, anda sudah berjimat kalau beli hadiah tu, kalau harga biasa memang mahal, itu sudah dikira hadiah. Anda sudah dikira menang kerana berjaya membeli pada harga paling murah untuk barang-barang tersebut. Lawak sungguh, menang hadiah tapi kena bayar !

Anda pun bersetuju, siap bayar cash lagi. Bawak balik 'hadiah-hadiah' hebat tu. Senang hati, terus bakar ayam dalam microwave oven, terus pasang penapis air dan guna vacuum. Pendek kata, anda beli pada harga murah hadiah-hadiah ni. Selang 2-3 minggu kemudian anda berasa hairan, kenapakah makin lama makin meragam, tak puas hati bila memakainya, kadang-kadang tak hidup, dan cepat pula rosak. Anda pun bertanya, kenapa jadi begitu ? Hantar ke kedai untuk baiki, orang kedai pun beritahu barang-barang tu cap ayam, patutlah dijual pada harga murah. Kalau diikutkan nilai sebenar barang-barang tersebut, tidak sampai RM1000 pun, maka anda pun mula tepuk dahi dan menyumpah-nyumpah. Rupanya anda sudah kena

tipu dek skim gores dan menang. Anda telah bermurah hati memberikan RM1000 kepada syarikat import eksport Cap Ayam itu...;) )

Ikuti sambungan seterusnya buku elektronik 'Skim Cepat Kaya' Volume 2 yang akan terbit pada pertengahan Disember 2006, sila lawati [www.net-heroes.com/skimcepatkaya.index.html](http://www.net-heroes.com/skimcepatkaya.index.html) untuk mendapatkannya secara PERCUMA ( psstt... ini bukan skim cepat kaya )

Dari sebuah laptop

Wan Faizol bin Wan Mat

Net-prenuer

Progressive Mail Enterprise

[www.net-heroes.com](http://www.net-heroes.com)